

# PM hargai usaha Syed Mokhtar Al-Bukhary

KEPALA BATAS 13 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merakamkan penghargaan kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary atas pembukaan cawangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat), di Kompleks Budi Penyayang, di sini.

Menurut Perdana Menteri, pembukaan cawangan bank itu di Kepala Batas memberi satu lagi kemudahan kepada penduduk terutama bagi mereka yang cenderung memilih sistem perbankan Islam.

"Bank ini bukan untuk orang Islam saja tetapi orang bukan Islam juga boleh guna kemudahan yang disediakan.

Terima kasih kepada Syed Mokhtar kerana menubuhkan cawangan bank ini di Kepala Batas," katanya dalam ucapan semasa

merasmikan Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang dan pembukaan Bank Muamalat cawangan Kepala Batas, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Pengerusi Bank Muamalat, Datuk Ismail Shahudin dan Pengerusi Yayasan Budi Penyayang, Nori Abdullah.

Bank Muamalat cawangan Kepala Batas dibuka awal tahun ini dan beroperasi di Kompleks Budi Penyayang.

Bukhary Capital Sdn. Bhd., memegang 70 peratus saham Bank Muamalat, manakala selebihnya dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad

Abdullah yakin dengan sokongan rakyat, Bank Muamalat akan terus dapat menyediakan lebih banyak perkhidmatan perbankan

Islam kepada masyarakat.

Bank Muamalat memulakan operasinya pada 1 Oktober 1999 dengan gabungan aset dan liabiliti daripada perbankan Islam Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bank of Commerce (M) Berhad dan BMBB Kewangan.

Pada masa ini, bank itu mempunyai 41 cawangan, tujuh pusat khidmat dan sebuah cawangan pesisir pantai di Labuan.

Abdullah menyuarakan rasa bangga kerana budaya penyayang yang disemai oleh Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood berjaya berkembang dalam masyarakat walaupun beliau hanya sempat melakukannya dalam masa yang singkat.

Menurutnya, walaupun menghidap barah payu dara, namun Endon sanggup

menyemarakkan budaya berkenaan yang bukan sahaja untuk masyarakat tempatan tetapi juga kerja amal membantu mangsa peperangan di Bosnia dan tsunami di Aceh serta Sri Lanka.

Perdana Menteri turut menyuarakan rasa terharu dengan kesanggupan dan pengorbanan Allahyarham isterinya yang meneruskan aktiviti kebajikan dengan penuh semangat walaupun menderita barah payu dara.

Kini, mungkin Nori dan rakannya boleh meneruskan usaha mempromosi batik ke negara lain," katanya.

Hari Pengasas Yayasan Budi Penyayang diadakan bagi menghargai jasa Allahyarham Endon yang mengasasnya dan disambut pada 2 Ogos setiap tahun.